

# Urut sambil bogel

Rumah urut, spa tawar khidmat seks diserbu *Sinar 15/2/12*

MS 3

**NURUL RIDUAN NOR  
ASHAHA**

**PUCHONG** – Mengurut pelanggan secara bogel. Itu tawaran istimewa yang disediakan sebuah premis urut kepada pelanggannya.

Pemilik premis di Bandar Puteri di sini, boleh diibaratkan 'tidak makan saman' kerana pernah diserbu polis, bulan lalu.

Bagaimanapun, kedegilan pemilik premis itu memaksa polis melakukan sekali lagi serbuan, awal pagi semalam.

Ketika serbuan dilakukan, seorang tukang urut wanita warga asing sedang berbogel semasa mengurut seorang pelanggan.

Pegawai Turus Jabatan



Anti Maksiat, Kongsi Gelap dan Perjudian (D7), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Selangor, Deputy Superintendent Izwan Abd Karim berkata, dalam serbuan itu, lapan wanita warga Thailand, Filipina dan China diberkas.

“Sebuah spa di kawasan berhampiran turut diserbu kerana dipercayai menawarkan khidmat pelacuran kepada pelanggannya.”

**Izwan**

“Wanita itu menyalahgunakan pas lawatan dengan bekerja sebagai tukang urut. Kita percaya premis ini menawarkan perkhidmatan seks kepada pelanggannya,” katanya.

Izwan berkata, sebuah spa di kawasan berhampiran turut diserbu kerana dipercayai me-

nawarkan khidmat pelacuran kepada pelanggannya.

Menurutnya, premis ini menggunakan konsep susun atur dalaman umpama hotel lima bintang untuk keselesaan pelanggan.

“Empat wanita warga asing yang menyalahgunakan pas lawatan juga diberkas,” katanya.

Dalam serbuan berikutnya, sebuah pusat karaoke turut diserbu kerana menawarkan khidmat pelayan pelanggan (GRO) warga asing.

Katanya, tiga lelaki yang bertindak sebagai penjaga premis di ketiga-tiga premis tersebut serta semua tahanan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang untuk siasatan.